

Keutuhan Umno perlu dikekalkan — Dr Mahathir

ALOR STAR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keutuhan dan kekuasaan Umno perlu dikekalkan untuk meningkatkan kemajuan negara.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata seniangat kita dapat menegakkan maruah bangsa, agama dan negara ini.

Dalam perutusan rya di buku cenderamata sempena perasmian bangunan Umno Kedah Sabtu ini, beliau berkata pemimpin-pemimpin Umno mempunyai keazaman dan kemampuan mencapai hasrat.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menekankan betapa pentingnya perpaduan dalam melaksanakan segala cita-cita rakyat.

Beliau berkata bangunan itu adalah satu contoh bahawa usaha yang bersatu itu akan dapat menghasilkan kejayaan.

Bangunan 10 tingkat itu berharga \$8 juta dan dinamakan 'Bangunan Tunku Putera' bagi mengenang jasa Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, bekas Perdana Menteri dan Presiden Umno.

Kejayaan

Itu terletak di tengah-tengah bandar ini dan akan menempatkan ibu pejabat Umno negeri, serta juga bank-bank dan pejabat-pejabat agensi kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir mensifatkan bangunan itu sebagai satu lambang kejayaan bagi Umno.

"Ia juga adalah satu lambang keteguhan perpaduan Umno", katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap bangunan itu tidak akan menjadi satu lambang yang kaku.

Sebaliknya ia patut dijadikan sebagai pusat penggerak bagi mengekalkan kekuatan parti, katanya.

Sementara itu, kira-kira 4,000 orang tetamu dijangka menghadiri perasmian bangunan itu, termasuk Tunku Abdul Rahman dan juga bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Jurucakap jawatankuasa perasmian berkata, pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional juga telah dijemput ke majlis itu.

Sempena perasmian rya, satu pameran sejarah Umno negeri Kedah akan diadakan di bangunan baru itu. — Bernam